

**S: Tahniat atas pelantikan Prof sebagai Naib Canselor baru UPM. Apakah perancangan tumpuan utama Prof selepas diberi tanggungjawab baru ini?**

**J:** Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, khususnya kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk memacu satu daripada universiti penyelidikan terbaik di negara ini.

Terima kasih kepada mantan Naib Canselor UPM terdahulu kerana menyediakan asas kukuh untuk saya sebagai Naib Canselor ketujuh membawa universiti ini ke tahap lebih membanggakan.

UPM kini berada pada landasan betul untuk menjadi universiti penyelidikan cemerlang kerana dalam aspek penghasilan graduan ijazah doktor falsafah kita yang tertinggi. Begitu juga dari segi penerimaan geran penyelidikan.

Universiti ini terkenal dengan pertanian. Justeru, saya akan terus memberi fokus bidang yang menjadi keistimewaan kita ini bukan saja dalam aspek pengeluaran tetapi lebih kepada keselamatan atau kecukupan makanan.

**S: Apakah cabaran terkini terhadap bekalan makanan negara dan penyelesaian yang UPM rancang?**

**J:** Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) mengatakan akan ada banyak bandar raya di dunia ini memerlukan 6.600 tan makanan sehari. Jadi usaha memenuhi keperluan makanan datang dari pinggir bandar atau luar bandar.

Kuala Lumpur berkemungkinan mencapai penduduk seramai 12 juta satu masa nanti. Jadi bagaimana kita mampu membe-

kalkan makanan secukupnya? Di sinilah, UPM perlu memainkan peranan menjalankan penyelidikan saintifik. Pengeluaran makanan mempunyai masa depan mencabar yang memerlukan inovasi dan kreativiti tinggi.

Dalam konteks bandar, kita perlu ada daya cipta inovasi yang tinggi. Contohnya pokok di tepi jalan bukan sembarangan pokok tetapi pokok **asam jawa** yang boleh mengeluarkan jus. Mungkin di atas bangunan kita boleh tanam sayuran untuk keperluan isi rumah.

UPM diberi amanah untuk menerajui bidang keselamatan makanan terutama beras. Kini, kita menghadapi ketidakcukupan beras sebanyak 30 peratus dan UPM giat menjalankan penyelidikan membiakan pembiakan dan baja. Jika banyak menggunakan baja, kita akan hilang produktiviti. Ini perlu dikaji lagi.

Kedua, mengenai ayam. Dari segi penghasilannya dan eksport kita berlebihan dan keupayaan itu perlu dikedalikan. Namun begitu ancaman ialah penternak menggunakan banyak anti-

**M** enggalas amanah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkongsi perancangan beliau dalam memperkasakan universiti berteraskan pertanian itu ke tahap lebih baik terutama dalam usaha menjamin kecukupan makanan di negara ini seperti yang disampaikan kepada wartawan Varsiti, **BASIR ZAHROM**.

Satu lagi perkara yang masih dipertimbangkan UPM ialah penghasilan sumber protein daripada akuakultur kerana jika negara terus bergantung kepada sumber ikan laut, akan berlaku kepupusan berikutan wujud isu penangkapan ikan melampau. Kita perlu ada sumber protein seimbang antara protein daripada laut dengan protein ternak menerusi akuakultur yang menjadi satu daripada kekuatan UPM.



daripada kerajaan tempatan saja sebab kita mempunyai tenaga penyelidik bertaraf antarabangsa. Lantaran itu, geran seperti Kesatuan Eropah, Jepun dan Australia juga perlu kita rebut. Bagi merebutnya, kita perlu mencapai penanda aras tinggi seperti indeks jurnal berimpak tinggi melebihi 2,000. Sebenarnya kita dan satu lagi universiti tempatan

kita mendapat pekerjaan selepas enam bulan Senat mengesahkan keputusan, iaitu sebelum majlis konvokesyen. Ini termasuk Kampus Bintulu.

Jika dulu, Kampus Bintulu mempunyai pengajian peringkat diploma dan bachelors saja dalam bidang pertanian dan penternakan, kini sudah ada program pascasiswazah yang mengkaji kepelbagaian flora dan fauna. Contohnya di Gua Niah.

**S: Memandangkan UPM ialah universiti penyelidikan, bidang perubatan dan veterinar menjadi antara kekuatannya. Apakah harapan Prof dalam bidang itu sepanjang tempoh menjadi Naib Canselor?**

**J:** Kita akan mempunyai hospital pengajian sendiri menerusi kerjasama dengan Kementerian Kesihatan. Pada masa ini, pelajar kita mengikuti 'housemanship' di hospital Kuala Lumpur, Seremban, Kuala Pilah dan Kajang. Ini bukan hospital baru tetapi hospital di Serdang yang ditukar menjadi hospital pengajian UPM yang

Insyallah beroperasi dalam satu atau dua tahun lagi. Hospital itu akan memberi fokus kepada kepakarannya dalam sistem saraf.

Kebolehpasaran graduan perubatan UPM 100 peratus disebabkan bilangan pelajar dan tenaga pengajar yang ideal serta prasarana sesuai kerana kita mementingkan kualiti. Kita mahu menghasilkan bukan saja pelajar perubatan terbaik tetapi mempunyai nilai tambah seperti kemahiran insaniyah, kepemimpinan dan bijak berkomunikasi.

Dalam bidang veterinar pula, kita berbangga apabila graduan memberi suntikan keusahawanan dengan membuka Klinik haiwan sendiri di seluruh negara sejak sekian lama. Ini mengukuhkan lagi jenama veterinar UPM yang menjadi universiti pelopor bidang ini di Malaysia.

**S: Apakah harapan Prof dengan pelantikan sebagai Naib Canselor UPM?**

**J:** Saya harapkan kerjasama daripada semua pihak untuk menerajui UPM ke satu tahap lebih tinggi dalam merealisasikan hasrat kerajaan, negara, pemegang taruh, ibu bapa dan pelajar. Diharapkan saya berupaya membawa UPM ke tahap lebih membanggakan dan sebagai graduan diploma pertanian dan alumni UPM, saya bangga melihat perkembangan UPM dari 1970-an hingga apa yang kita lihat kini.

# UPM majukan bidang pemakanan

**S: Berbalik pada kepemimpinan di UPM, apakah antara pendekatan sedia ada yang akan diperkasakan oleh Prof?**

**J:** Jika kita lihat universiti terkemuka di dunia seperti al-Azhar, institusi ini ber-

operasi atas konsep wakaf dan bukan 100 peratus sumber kewangannya bertumpu yuran. Dengan kata lain, masyarakat sekeliling mewakafkan harta mereka untuk universiti itu. Satu masa nanti, di Malaysia juga masyarakat akan mempunyai kesedaran menyumbang harta mereka ke arah penjaan ilmu dan hal ini lebih signifikan dalam konteks ilmu dan Islam. Ketika Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi menjadi Naib Canselor UPM, kita menerima wakaf ilmu dalam bentuk tunai RM2.5 juta pada tahun pertama kepemimpinan beliau. Hal ini saya perlu teruskan supaya UPM dan masyarakat sama-sama mendapat manfaat.

Hal kedua ialah pengiran pelajar, saya akan berusaha seperti Datuk Radin dalam menyediakan tempat yang kondusif dan selesa supaya mereka dapat belajar dengan baik.

Dalam penyelidikan pula, memang kita mendapat geran tertinggi. Namun begitu, kita tidak boleh cepat berpuas hati dan selesa dengan geran


sudah pun mencapai tahap ini. Apa yang kita perlu buat hanya bertindak merebut geran antarabangsa.

**S: Mengenai Kampus Bintulu, adakah sebarang perancangan menjadikannya berada pada tahap lebih membanggakan?**

**J:** Kampus Bintulu seperti pusat kecemerlangan di Sarawak kerana pembabit penyelidikan kami di Borneo ibarat jenama terkenal. Namun begitu, saya akui penyelidikan kepelbagaian flora dan fauna kita di sana masih agak terkebelakang. Jadi, ini akan menjadi fokus kami di sana selepas ini.

Selain itu, sebagai satu daripada universiti awam di Sarawak menjadi tanggungjawab kami menghasilkan tenaga kerja Bumi Kenyalang dan hal itu juga terkandung dalam perancangan strategik lima tahun yang bermula tahun lalu.

Secara amnya, UPM mempunyai kebolehpasaran graduan tinggi seperti tahun ini menyaksikan 83 peratus graduan antarabangsa dan



GAMBAR HIASAN

**Negara** kini berhadapan ketidakcukupan beras 30 peratus, jesteru UPM giat menjalankan penyelidikan membiakan pembiakan dan baja.